

18/02/1998

EC: Malaysia kaji semua cadangan

M Azlan Jaafar; Ahmad Ghazali Musa; Kamal Ahmad
MALAYSIA akan mengkaji dengan teliti sebarang cadangan untuk menjadikan transaksi perdagangan elektronik (EC) bebas cukai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan harus meneliti dengan berhati-hati kerana keputusan yang diambil akan meninggalkan kesan berpanjangan.

"Malaysia teliti dan mengambil sikap terbuka tetapi pada masa yang sama kepentingan negara harus dilindungi," katanya.

Dr Mahathir menegaskan kerajaan tidak boleh melepaskan peluang mengutip cukai kerana Malaysia tidak berada dalam kelas yang sama seperti Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri menjawab soalan pemberita mengenai cadangan AS pada Organisasi Perdagangan Dunia (WTO) untuk menjadikan EC bebas cukai ketika sidang akhbar sempena mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) di Cyberjaya, minggu lalu.

Mesyuarat dua hari yang dihadiri 13 anggota IAP dan 13 wakil anggota itu menyentuh beberapa isu teknologi maklumat global dan kesannya terhadap pembangunan MSC.

Selain itu mesyuarat turut membincangkan tahap perkembangan perundangan siber, perdagangan elektronik dan dasar kerajaan terhadap industri berkenaan.

Sebanyak 180 syarikat yang memohon status MSC berjanji akan melabur kira-kira RM4.2 bilion dalam tempoh lima tahun operasi.

Setakat ini, 103 syarikat sudah mendapat status itu. Daripada jumlah itu 37 peratus terbabit dalam bidang telekomunikasi, pembangunan perisian (14 peratus), pembangunan kandungan dan pengawasan dalam talian (17 peratus) manakala 10 peratus dalam bidang animasi, penyiaran dan penerbitan.

Bakinya terbabit dalam bidang seperti integrasi sistem, latihan pendidikan dan aplikasi jalur lebar dan rangkaian.

EC ialah pelaksanaan transaksi perdagangan secara elektronik menggunakan infrastruktur Internet atau jaringan rangkaian komputer persendirian.

Kekuatan teknologi sedia, pelaksanaan mudah dan capaian kepada pasaran global pada kos rendah meningkatkan minat masyarakat peniaga antarabangsa kepada cara transaksi EC.

Malaysia turut mengiktiraf konsep EC dengan menjadikannya salah satu aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menurut laporan syarikat penyelidik antarabangsa, nilai transaksi EC dijangka akan mencapai kira-kira AS\$200 bilion pada tahun 2000.

Mengulas hasil mesyuarat IAP kedua itu, Dr Mahathir berkata perbincangan yang diadakan membolehkan Malaysia dan peserta mendapat gambaran lebih jelas apa yang negara sedang lakukan.

"Kerajaan dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) akan mengkaji cadangan serta kelemahan bagi memastikan kejayaan MSC. Kerajaan bersikap fleksibel dan akan melakukan perubahan dirasakan perlu semasa proses pelaksanaan MSC."

Dr Mahathir yang juga pengerusi IAP menjelaskan pelaksanaan projek MSC berkembang lebih cepat daripada yang dijangkakan walaupun ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Tiada pelabur yang menarik diri dan projek itu adalah setahun lebih awal daripada yang dijadualkan.

"Setakat yang saya tahu, kegawatan ekonomi sekarang tidak menjejaskan pelaksanaan MSC, malah ia setahun lebih awal daripada yang dijadualkan."

Jadi, jika ada kesan daripada kegawatan itu, kita sepatutnya mempercepatkan kemajuannya," tambah beliau.

(END)